

**Usaha rapatkan jurang prestasi
Utusan Online
22 Mac, 2012
Oleh MARZITA ABDULLAH**

KUALA LUMPUR 21 Mac - Kementerian Pelajaran akan merangka Pelan Transformasi Pendidikan Luar Bandar bertujuan memperbaiki prestasi pendidikan sekolah-sekolah di kawasan berkenaan yang jurangnya masih jauh berbanding sekolah di bandar.

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, pelan berkenaan yang dijangka siap sebelum hujung tahun ini menggariskan pelbagai langkah intervensi melibatkan mutu tenaga pendidik, prasarana sekolah, mutu pengajaran dan pembelajaran, peruntukan kewangan dan peranan ibu bapa serta Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG).

"Ini keputusan yang saya sudah buat. Ia sebagai analisis daripada keputusan (Sijil Pelajaran Malaysia 2011) yang kita lihat pada hari ini.

"Walaupun saya berpuas hati pencapaian kita adalah jauh lebih baik, (ada) peningkatan dalam semua mata pelajaran tetapi pencapaian antara pelajar-pelajar itu juga ada perbezaan seperti antara pelajar Melayu, Cina, India dan bumiputera. Saya fikir adalah tidak adil untuk membiarkan perkara ini berlarutan, maka langkah proaktif perlu dilaksanakan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas beramah mesra dengan pelajar yang mengambil keputusan SPM 2011 dan ibu bapa mereka di Sekolah Menengah Sains (SMS) Alam Shah di sini hari ini.

Muhyiddin yang juga Menteri Pelajaran berkata, matlamat pelan tersebut adalah untuk memastikan dalam tempoh 10 tahun atau lebih awal, jurang berkenaan dapat dirapatkan.

"Setidak-tidaknya pencapaian pendidikan sekolah luar bandar itu sama dengan Gred Purata Nasional (PGN)," katanya.

Beliau turut melahirkan kebimbangan berikutan prestasi pelajar Melayu dan bumiputera yang masih ketinggalan berbanding pelajar Cina dan India dalam setiap keputusan peperiksaan utama.

"Perkara ini bukan suatu rahsia lagi, walaupun ada yang cemerlang, namun umumnya masih ketinggalan. Justeru, saya mahu pelajar-pelajar ini lebih bersungguh-sungguh dan perkara ini juga akan dilibatkan dalam pelan itu nanti," ujar beliau.

Muhyiddin juga berkata, turut terlibat dalam pelan tersebut adalah langkah intervensi merapatkan jurang pencapaian pendidikan antara sekolah jenis kebangsaan di luar bandar dan bandar.

Beliau berkata, Ketua Pengarah Pelajaran, Datuk Seri Abdul Ghafar Mahmud akan mengetuai jawatankuasa terlibat bagi menyiapkan laporan perakuan pelan untuk pelaksanaan tahun depan.

Sementara itu, beliau berkata, keputusan SPM 2011 disifatkan yang terbaik dalam tempoh lima tahun ini dengan GPN mencecah 5.04 berbanding 5.19 pada SPM 2010.

"Saya mengucapkan tahniah kepada semua pelajar, ibu bapa dan warga pendidikan, namun masih ada ruang untuk semua pihak berusaha meningkatkan prestasi pelajar," katanya.

Beliau juga berpuas hati dengan keputusan pencapaian mata pelajaran Sejarah yang disifatkan luar biasa iaitu di luar jangkauan kementerian sekali gus memperlihatkan keupayaan pelajar menguasai mata pelajaran berkenaan yang akan menjadi mata pelajaran wajib pada SPM 2013.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0322&pub=Utusan_Malaysia&sec=Bicara_Agama&pg=ba_04.htm